

UEM Edgenta Bentuk Usaha sama dengan 21 Estates untuk Meluaskan Kehadiran dalam Pengurusan Hartanah di Dubai

KUALA LUMPUR / DUBAI, 12 Jun 2025 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta”), melalui anak syarikat pemilikan 60% miliknya, Kaizen Owner Association Management Services LLC (“Kaizen”), telah memeterai Perjanjian Usahasama dan Pemegang Saham dengan 21 Estates Group FZCO (“21 Estates”) bagi penubuhan sebuah syarikat usaha sama baharu (“JV”) di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

JV baharu ini, dikenali sebagai DuaSatu (atau nama lain yang dipersetujui bersama oleh Kaizen dan 21 Estates serta diluluskan oleh pengawal selia tempatan), akan menyediakan rangkaian perkhidmatan yang menyeluruh, termasuk perkhidmatan pengurusan persatuan pemilik dan hartaanah, perundingan dan khidmat nasihat pengurusan hartaanah, perkhidmatan pemajakan dan tawaran nasihat hartaanah lain untuk tapak pembangunan induk di Dubai, hartaanah yang terletak di dalam kawasan Expo City Dubai (ECD) atau yang dimiliki ECD, serta tapak yang terpilih di peringkat global.

Perkongsian strategik dengan 21 Estates, anak syarikat milik penuh tidak langsung Expo City Dubai FZCO, mencerminkan komitmen berterusan UEM Edgenta untuk meningkatkan keupayaan dan penyelesaiannya dalam sektor hartaanah, mengukuhkan jejak antarabangsanya, dan membuka peluang kepada pertumbuhan baharu di UAE dan seterusnya.

“Usaha bersama ini menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan pertumbuhan antarabangsa UEM Edgenta dalam kami mengembangkan keupayaan dan perkongsian kami dalam pasaran strategik utama,” kata Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta. “Sektor hartaanah Dubai terus menawarkan peluang yang luar biasa, dan kerjasama dengan 21 Estates ini akan membolehkan kami menyampaikan penyelesaian pengurusan hartaanah yang dipacu teknologi bertaraf dunia bagi memberi perkhidmatan kepada beberapa pembangunan paling ikonik di rantau ini. Ia juga mencerminkan komitmen kami untuk membina nilai jangka panjang untuk pemegang kepentingan kami sambil mengukuhkan jenama dan kepimpinan UEM Edgenta di Timur Tengah.”

“Di 21 Estates, kami percaya dalam membina kerjasama yang membuka peluang nilai strategik dan memberikan impak jangka panjang,” kata Rashid Mohammed, Pengurus Besar Kumpulan 21 Estates. “Usaha sama dengan UEM Edgenta ini mencerminkan impian kami bersama untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan dalam sektor pengurusan hartaanah. Dengan menggabungkan pengalaman tempatan kami dengan kepakaran UEM Edgenta yang terbukti, DuaSatu berada pada

kedudukan yang baik untuk menyampaikan penyelesaian bersepada dan berfikiran ke hadapan yang disesuaikan untuk landskap bandar Dubai yang sedang berkembang dan seterusnya."

Selari dengan strategi *Edgenta of the Future 2025* UEM Edgenta, usaha sama itu direka untuk memanfaatkan keupayaan Kumpulan dalam menyampaikan penyelesaian pengurusan harta tanah yang dipacu teknologi yang mampan dalam pasaran antarabangsa utama. Kerjasama tersebut menyokong objektif UEM Edgenta untuk memacu pertumbuhan jangka panjang yang mampan sambil meningkatkan cadangan nilainya merentasi pangkalan pelanggan yang pelbagai.

UEM Edgenta merupakan syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka dengan kehadiran di Malaysia, Timur Tengah dan Asia Tenggara. Perniagaan terasnya termasuk Penyelesaian Penjagaan Kesihatan, Penyelesaian Harta & Kemudahan, Perkhidmatan Infrastruktur, Perundingan Aset dan Perkhidmatan Digital & Teknologi.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, sila layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.